



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI HUANG TIONG SII  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS INSTITUT TANAH DAN  
UKUR NEGARA SERTA BALAI CERAP TAN SRI  
HARUSSANI SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK INSTUN  
KE-25 TAHUN PENUBUHAN INSTUN**

**TARIKH:  
3 OKTOBER 2023 (SELASA)**

**MASA:  
9.30 PAGI**

**LOKASI:  
BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI  
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN),  
BEHRANG ULU, DAERAH MUALLIM, PERAK**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, Sembah Patik mohon diampun.

1. Patik bagi pihak Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat menyempurnakan Perasmian Kompleks INSTUN serta Balai Cerap Tan Sri Harussani sempena sambutan Jubli Perak INSTUN ke-25 tahun pada pagi ini.
2. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke majlis ini adalah amat bersejarah sekali dan melambangkan keprihatinan seorang Raja yang berjiwa rakyat yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Negeri Perak. Patik mendoakan, semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa berada dalam keafiatan dan dilanjutkan usia.

Ampun Tuanku

3. Patik, dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah memohon ampuni limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan dif-dif kenamaan serta menyembahkan ucapan patik. Ampun Tuanku.

- i. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan;
  - ii. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan;
  - iii. YBhg. Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
  - iv. Yang Berbahagia Orang Besar-Besar Negeri Perak;
  - v. Yang Berbahagia Ahli-Ahli Dewan Negara Perak;
  - vi. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Perak;
  - vii. Yang Berusaha Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara;
  - viii. Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan; dan
  - ix. Dif-dif, wakil-wakil media serta para hadirin yang dihormati sekalian.
4. INSTUN ditubuhkan pada 1 Mei 1998 bagi menyediakan kursus dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan dan teknologi maklumat yang berkaitan. Ia mula beroperasi di Wisma Tanah, Jalan Semarak, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke kampus sedia ada di Behrang Ulu, Perak pada tahun 2002 yang dibina dengan kos berjumlah RM117.2 juta. Kini, INSTUN merupakan sebuah agensi di bawah naungan NRECC.
5. Hari ini merupakan hari yang bersejarah bagi patik sekalian, menjadi saksi kepada Perasmian Balai Cerap Tan Sri Harussani. Sebagai sebuah balai cerap moden yang pertama di Negeri Perak, Balai Cerap Tan Sri Harussani akan menjadi platform perkongsian ilmu falak kepada semua peringkat lapisan masyarakat. INSTUN

juga bertuah kerana menjadi Institut Latihan Awam (ILA) tunggal yang memiliki fasiliti balai cerap bertaraf dunia.

## **Penubuhan INSTUN**

Ampun Tuanku,

6. Sejak tahun 1998, kira-kira 70 ribu peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, khususnya warga pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan telah mendapatkan latihan di INSTUN. Bermula tahun 2015, INSTUN mula melatih peserta luar negara di bawah peruntukan Kementerian Luar Negeri (KLN) iaitu *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP). Sehingga ke hari ini, INSTUN telah melahirkan lebih 80 orang alumni MTCP daripada 20 buah negara seperti Kemboja, Thailand, Myanmar, Filipina, Maldives, Mesir dan beberapa negara lain.
7. Sebagai sebuah ILA, INSTUN memainkan peranan aktif menyumbang kepada badan ilmu menerusi penerbitan ilmiah, kajian penyelidikan, depositori secara atas talian dan perkhidmatan Perpustakaan INSTUN. Penerbitan Jurnal INSTUN berjaya di masukkan ke dalam Indeks MyJurnal di bawah Pusat Sitosi Dan Infometrik, Kementerian Pendidikan Tinggi. INSTUN juga membangunkan Portal Informasi Tanah dan Ukur (PINTU) dengan kepakaran dalaman sebagai satu depositori atas talian yang boleh boleh diakses oleh orang awam. Manakala, Perpustakaan INSTUN memiliki 17 ribu koleksi buku, jurnal dan terbitan bersiri yang menepati piawaian Perpustakaan Negara Malaysia.

8. INSTUN juga komited meningkatkan kualiti dan kepelbagaian modul latihan serta aktiviti penyelidikan menerusi kerjasama strategik bersama Universiti Awam dan Badan Berkanun seperti:
  - (a) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);
  - (b) Universiti Teknologi MARA (UiTM Perak);
  - (c) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM); dan
  - (d) Jabatan Mufti Negeri Perak (JMNPk).

### **Pembinaan Balai Cerap Tan Sri Harussani**

Ampun Tuanku,

9. Patik bagi pihak NRECC menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar balai cerap ini dinamakan sempena Mufti Negeri Perak ke-8 iaitu Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria setelah mengambilkira sumbangan beliau yang berkhidmat sebagai Mufti Negeri Perak dari tahun 1985 sehingga 2021. NRECC berharap, pembinaan Balai Cerap Tan Sri Harussani ini dapat meningkatkan kesedaran umum berkaitan ilmu falak, kepentingan memulihara alam sekitar dan pembangunan yang mampan.

Ampun Tuanku,

10. Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik sempena majlis ini. Patik sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke INSTUN pada pagi yang bersejarah ini. Semoga Duli Yang Maha Mulia

Tuanku terus kekal bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah lindungan-Nya.

11. Patik mohon dengan segala kerendahan diri, merafak sembah menyusun sepuluh jari, mengatur tutur kata jika ia tiada tertib, Patik pohonkan keampunan. Jika ia tiada hemah, Patik pohonkan petunjuk.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, Sembah Patik mohon diampun,

12. Patik menjunjung kasih Tuanku.